

## **BAB KEENAM**

**RUMUSAN, SARANAN DAN PENUTUP**

## **BAB ENAM**

### **RUMUSAN, SARANAN DAN PENUTUP**

#### **6.1 Pendahuluan**

Kaedah hafazan amat penting dalam pembelajaran bahasa Arab khususnya kepada umat Islam, gedung khazanah ilmu Islam berada di dalam bahasa Arab. Khazanah ilmu itu tidak akan dapat dicungkil dan dimanfaatkan sekiranya para pelajar Islam tidak mampu menguasai bahasa Arab dengan baik.

Mengikut kajian penulis kaedah hafazan perlu diberi penekanan sewajarnya disamping kaedah-kaedah yang lain iaitu membaca, mendengar dan menulis, tambahan pula kaedah atau metod hafazan mempunyai hubungan yang rapat dengan kaedah-kaedah tersebut. Proses hafazan ini ialah suatu proses untuk menyimpan maklumat ke dalam minda pelajar yang membolehkan pelajar itu mengeluarkan semula maklumat tersebut apabila dikehendaki, seterusnya metod penulisan dilaksanakan dengan tujuan mengemaskinikan dan memastikan penambatan bahan hafazan tidak tercicir.

## 6.2. Rumusan

Pertama : Berdasarkan kepada dalil-dalil yang telah dibentangkan dan juga pendapat ulama-ulama, dapatlah disimpulkan bahawa hafazan adalah kaedah pembelajaran yang amat berkesan di dalam mempelajari ilmu pengetahuan amnya dan bahasa Arab khususnya. Metod ini digunapakai oleh cerdik pandai silam yang telah terbukti keunggulan mereka sama ada di dalam bidang keilmuan mahu pun dalam bidang penulisan.

Kedua : Paparan tokoh-tokoh ulama dari pelbagai bidang ilmu pengetahuan dan hasil karya mereka khususnya dalam bidang bahasa Arab, telah membuktikan kehebatan dan kecemerlangan para cendekiawan silam, yang mengamalkan kaedah hafazan dalam sistem pendidikan.

Ketiga : Sistem pendidikan yang dipraktikkan sejak zaman jahiliah sehingga ke era keagungan ilmu dalam sejarah tamadun Islam melampawi ke era terkini tidak dapat lari dari mengamalkan kaedah hafazan. Golongan yang benar-benar dapat menguasai ilmu pengetahuan secara amnya dan bahasa Arab khususnya jua terdiri daripada para ulama yang mengamalkan kaedah tersebut.

Keempat : Mengikut penulis, semua bidang ilmu pengetahuan secara amnya dan bahasa Arab khususnya serta rukun-rukun asasi dalam wacana keilmuan itu perlu difahami dengan baik dan dikuasainya secara hafazan.

Ilmu bahasa Arab tidak boleh dikuasai dengan sebaiknya dalam erti kata sebenar kecuali melalui hafazan. Kenyataan ini bertungjangkan kepada perlunya perbendaharaan kalimat-kalimat Arab yang maksima dalam minda, serta kecekapan ilmu nahu dan saraf yang memerlukan kepada hafazan formula-formula yang menjadi aset utama dalam mempelajari bahasa Arab.

Kelima : Tradisi unggul kaedah pendidikan ilmu Islam pada masa lalu dalam mempelajari ilmu khususnya bahasa Arab adalah kaedah hafazan. Tanpa kaedah ini kemungkinan kesahihan al-Quran dan hadith-hadith Nabi (s.aw) tidak dapat dipastikan dan diwarisi oleh generasi terkini. Manifestasinya, ilmu Islam mempunyai daya saing yang tinggi kerana mereka telah dibangunkan dengan kekuatan akliyah yang amat baik sekali.

### 6.3. Saranan

Saranan-saranan ini dibuat berdasarkan kesimpulan penyelidikan yang secara amnya mengandungi justifikasi bahawa punca kelemahan para pelajar dalam menguasai bahasa Arab adalah kerana mereka mengabaikan kaedah hafazan, yang menjadi suatu peraturan atau pendekatan asasi yang berbentuk wahyu yang diturunkan kepada Rasulullah (s.a.w).

Penulis berpendapat tanpa penglibatan pihak-pihak yang berwajib dalam mengatasi masalah ini tidak mungkin hal tersebut dapat di atasi. Justeru itu disarankan kepada golongan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung agar memainkan peranan

sebaik mungkin untuk mengatasinya. Antara saranan-saranan yang akan dikemukakan ialah :-

- 1) Golongan intelek dan para ilmuan walau dalam apa bidang sekali pun disarankan agar tidak mengabaikan diri daripada menghafaz teks-teks asas agama Islam.
- 2) Harapan penulis kepada ahli-ahli pedagogi agar tidak membelakangkan kaedah hafazan kerana ianya adalah satu-satunya kaedah pembelajaran yang digunapakai oleh Rasulullah (s.a.w) disamping kaedah-kaedah yang lain.
- 3) Penulis juga menyarankan kepada pihak yang berwajib agar berusaha menubuhkan Dār al-Hādīth, iaitu sebuah tempat khusus untuk mempelajari hadith, bertujuan menjejaki langkah Rasulullah (s.a.w), para sahabat dan para ulama yang telah berjaya mempamerkan kehebatan dan kemampuan umat Islam dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan di mata dunia. Serentak dengan itu dapat menyingkap kembali kaedah hafazan yang hampir dilupakan.
- 4) Saranan kepada para pelajar, untuk memantap dan menguasai bahasa Arab dengan lebih baik, pelajar-pelajar digalakkan menghafaz khususnya kitab-kitab yang menjadi asas kepada bahasa Arab, seperti matan Ajurūmiyyat, matan Bina Af'āl, matan Baigūniyy dan lain-lain, manakala kalimat Arab pula sekurang-kurangnya 3000 perkataan.

- 5) Pihak yang berwajib diseru agar memperbanyakkan Dār al-Qur'ān seperti di Kuala Kubu Baru kerana menghafaz al-Quran adalah suatu tradisi ilmu yang dianjurkan oleh Nabi (s.a.w) sejak permulaan Islam lagi dan ianya dikategori mengikut sunnat Rasulullah (s.a.w).
- 6) Kaedah hafazan yang dipraktikkan di sekolah-sekolah agama rakyat dan juga agama kerajaan serta di peringkat universiti perlu dikekalkan serta dikemaskinikan lagi kerana sistem tersebut sudah berada di atas landasan yang hakiki.
- 7) Kaedah hafazan juga perlu diperluaskan pengamalannya ke instirusi-institusi yang lain agar para pelajar dapat mempraktikkan kaedah hafazan yang diamalkan oleh para ulama, muda-mudahan dengan cara tersebut dapat memperolehi hidayah daripada Allah yang menjadi punca kecemerlangan dalam pelbagai lapangan ilmu pengetahuan.
- 8) Kepada pihak yang berwajib disarankan agar membina satu kurikulum yang mewajibkan para pelajar menghafaz ayat-ayat al-Quran dan hadith-hadith Nabi (s.a.w) di semua peringkat pengajian amnya dan pengajian agama khususnya agar mereka membiasakan diri dalam menyebut perkataan Arab dengan betul dan memperbaiki sebutan bacaan ayat-ayat suci al-Quran.
- 9) Perpustakaan-perpustakaan sama ada di peringkat rendah, menengah dan tinggi perlu dilengkapi dengan bahan bacaan dalam bahasa Arab yang secukupnya, seperti buku-buku rujukan utama dalam semua bidang, makalah-

makalah, akhbar, nawadir dan lain-lain termasuklah membudayakan bahasa Arab menurusi slogan-slogan dan papan-papan tanda yang menggunakan bahasa Arab di semua tempat-tempat penting. Serentak dengan itu supaya pelajar-pelajar dan orang awam dapat melihat dan membacanya setiap kali mengunjungi perpustakaan dan secara infomalnya mereka dapat menghafaz dan mengingatinya dengan baik.

10) Penulis juga menyarankan agar pihak RTM mewujutkan satu siaran khusus yang menggunakan bahasa pengantarnya bahasa Arab, seperti siaran berita, wawancara, senario, kuiz dan siaran yang berbentuk hiburan yang tidak keterlaluan dan boleh menarik minat penonton muda atau pun tua. Hasil dari tontonan siaran tersebut secara tidak langsung akan menarik minat para penonton untuk mempelajari bahasa Arab.

11) Kepada pihak yang berwajib disyorkan agar mengambil daya inisiatif seperti kerajaan Mesir yang memberi ganjaran kepada penghafaz-penghafaz al-Quran, demi menggalakkan lagi generasi yang sedia ada dan seterusnya menghafaz al-Quran. Sekali gus dapat memperkayakan pembendaharaan kata bahasa Arab dalam diri individu.

#### 6.4. Penutup

Akhirnya, penulis menyeru kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak, agar berusaha mengintegrasikan kaedah-kaedah yang sedia ada dan memartabatkan kaedah hafazan dalam sistem pendidikan bagi menguasai ilmu bahasa amnya dan bahasa Arab khususnya. Harapan dari penulis agar segala saranan-saranan yang dikemukakan boleh memberi manfaat dan mendapat perhatian dari semua pihak yang menatap hasil penulisan ini.

Segala apa yang baik itu adalah milik Allah (s.w.t), dan sebarang kelemahan yang ada adalah datang dari diri penulis, yang masih dalam proses untuk memperbaiki dan meningkatkan diri sebagai seorang individu muslim yang bertaqwa.

والله يتولى السرائر ونحن نتولى الظواهر

السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته